PEJABAT KETUA HAKIM SYARIE NEGERI PULAU PINANG
No. 3 Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang
Tel.: 04-830 7777 Faks: 04-830 7899
http://www.jksnpp.gov.my

Rujukan kami : JKSPP.600 - 1/3/2 (60)
Tarikh : 03 Disember 2021
28 Rabiulakhir 1443H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Ketua Pendaftar/Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 4 TAHUN 2021**
**PENENTUAN PENDAFTARAN KES MENGIKUT TURUTAN SISTEM E-SYARIAH**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, Pendaftar dan Penolong Pendaftar berhubung keputusan Muzakarah Pegawai-Pegawai Syariah Bilangan 3 Tahun 2021 pada 03 Disember 2021 yang telah bersetuju dan mengesahkan penentuan pendaftaran kes mengikut turutan sistem e-syariah adalah seperti berikut:

1. Pihak-pihak yang mendaftarkan kes di mana-mana Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang adalah tertakluk kepada prosedur pendaftaran kes melalui sistem e-syariah;

2. Mana-mana pihak adalah tidak dibenarkan untuk mengatur, menyusun atau memilih Hakim/Dewan Bicara di mana-mana Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang;

3. Penentuan Hakim/Dewan Bicara hendaklah ditetapkan berdasarkan turutan nombor pendaftaran kes di dalam sistem e-syariah secara berturut-turut tanpa berselang; dan

...2/-

Rujukan kami : JKSPP.600 - 1/3/2 (     )

4. Pekeliling ini dikecualikan bagi pendaftaran kes berlainan yang melibatkan pihak-pihak yang sama.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 03 Disember 2021.

**(DATO' MUHAMAD ABDUL KARIM BIN WAHAB)**
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang